

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) memelawa syarikat yang berdaftar di Malaysia untuk menyertai tender berikut:

### Maklumat Tawaran Tender

RUJ. TENDER	TAJUK TENDER	KELAYAKAN TENDER	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH & WAKTU TUTUP
KWAP/01/124/25/01	Cadangan untuk Pembaharuan Langganan Lesen VMware untuk KWAP	<ol style="list-style-type: none"> <li>Keupayaan untuk Pembaharuan, Membekal dan Memasang Lesen VMware yang memenuhi keperluan KWAP.</li> <li>Keupayaan untuk menyediakan sokongan yang kukuh serta khidmat nasihat bagi perkhidmatan yang dicadangkan.</li> <li>Keupayaan untuk menggantikan, membekal, memasang, menguji dan mengoperasikan produk VMware.</li> <li>Mesti merupakan penjual semula (reseller) tempatan yang sah bagi perkhidmatan yang dicadangkan.</li> <li>Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam perkhidmatan yang dicadangkan (sekurang-kurangnya 10 tahun dalam projek yang serupa).</li> <li>Memiliki keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh.</li> <li>Mempunyai modal berbayar sebanyak RM500,000 dan ke atas.</li> </ol>	<p>20 Mac 2025 (Khamis)</p> <p>Sila berdaftar melalui <a href="mailto:ams.procurement@kwap.gov.my">ams.procurement@kwap.gov.my</a> untuk maklumat lanjut.</p>	RM500.00 satu salinan	10 April 2025 (Khamis) @ 4.00 petang
KWAP/01/124/25/02	Cadangan untuk Sekuriti Data – Penyelesaian Data Tokenization untuk KWAP	<ol style="list-style-type: none"> <li>Keupayaan untuk Mereka Bentuk, Membekal, Menghantar, Memasang, Mengintegrasikan &amp; Menguji perisian serta lesen <i>Data Tokenization</i> bagi memenuhi keperluan KWAP.</li> <li>Keupayaan untuk menyediakan sokongan yang kukuh serta khidmat nasihat bagi Penyelesaian <i>Data Tokenization</i> yang dicadangkan.</li> <li>Keupayaan untuk berada secara fizikal di lokasi semasa pelaksanaan projek <i>Data Tokenization</i>, termasuk penglibatan pihak berkepentingan serta aktiviti pengurusan projek di premis KWAP.</li> <li>Mesti merupakan penjual semula tempatan yang sah bagi Penyelesaian <i>Data Tokenization</i> yang dicadangkan.</li> <li>Mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam Penyelesaian <i>Data Tokenization</i> yang dicadangkan (sekurang-kurangnya 3 tahun dalam projek yang serupa).</li> <li>Memiliki keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh</li> <li>Mempunyai modal berbayar sebanyak RM500,000 dan ke atas.</li> </ol>	<p>20 Mac 2025 (Khamis)</p> <p>Sila berdaftar melalui <a href="mailto:ams.procurement@kwap.gov.my">ams.procurement@kwap.gov.my</a> untuk maklumat lanjut.</p>	RM500.00 satu salinan	25 April 2025 (Jumaat) @ 4.00 petang

### Tarikh dan Masa Jualan

20 Mac 2025 hingga 26 Mac 2025  
Isnin hingga Jumaat  
(Kecuali Cuti Umum)

8.30 pagi - 4.30 petang  
(Waktu Pejabat Sahaja)

- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil penjual yang diberi kuasa oleh syarikat. Vendor dikehendaki mengemukakan salinan sijil pendaftaran syarikat, profil syarikat dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kriteria di atas semasa berurusan membeli Dokumen Tender melalui emel tersebut.
- Bayaran hendaklah dibuat atas nama **KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)** dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau tawaran terendah.
- Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dihantar mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. **TAWARAN YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
- Kenyataan Tawaran Tender ini juga dipapar di laman web kami di [www.kwap.gov.my](http://www.kwap.gov.my).